**NO. SOALAN: 348**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT**
**PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**
**DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG [ MARANG ]**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah permohonan murtad bagi penganut Islam mengikut negeri bermula tahun 2000 hingga 2015 dan apakan tindakan Kerajaan untuk menangani kes murtad dan memastikan golongan mualaf diberi hak pendidikan dan kebajikan sewajarnya.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod di Mahkamah Syariah seluruh negara, tidak terdapat kes permohonan murtad bagi penganut Islam yang didaftarkan dari tahun 2000 hingga 2015.

Bagi memantapkan akidah umat Islam, Kerajaan telah menubuhkan Unit Kauseling Agama Jabatan Agama Islam Negeri/Jabatan Mufti Negeri untuk membantu ke arah pemantapan akidah dengan menyediakan khidmat nasihat dan bantuan sewajarnya bagi mereka yang menghadapi masalah berkaitan Islam. Khidmat nasihat ini boleh didapati melalui ruangan Soal Jawab Kemusykilan Agama internet, panggilan telefon atau hadir ke pejabat Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)/Pengerak Masyarakat PMOA/Pejabat Agama Daerah atau ke pusat khidmat komuniti bagi mendapatkan nasihat yang berkaitan.

Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam Negeri sentiasa mengambil berat kebajikan dan pendidikan kepada golongan yang baru memeluk Islam dan golongan yang kurang berkemampuan yang tergolong dalam golongan asnaf dengan memberi bantuan bagi meringankan tanggungan mereka. Pada masa yang sama, juga mengadakan kelas bimbingan fardhu ain untuk pengukuhan kefahaman Islam. Manakala di Wilayah Persekutuan, Kerajaan telah menubuhkan Pusat Perkidmatan Keluarga Islam (PPKI) bertempat di Masjid Negara yang berperanan memberikan khidmat nasihat atau kauseling berkaitan agama Islam dan masalah keluarga

Sekian, terima kasih.